

PEMBENTUKAN ORGANISASI CEMERLANG: AMALAN QUDWAH HASANAH DALAM KEPIMPINAN ORGANISASI PENDIDIKAN SEBAGAI ASAS DORONGAN MOTIVASI KERJA YANG KOMPETEN

(The Formation of Excellent Organization: The Practice of Qudwah Hasanah in the Leadership of Educational Organization as the Basis of Competent Motivativation Work Motivation)

Fariza Aris¹, Ahmad Marzuki Mohamad²

Universiti Teknologi Malaysia, Johor Malaysia

E-mel: fariza_aris@yahoo.com.my

ABSTRAK

Kepimpinan organisasi pendidikan yang cemerlang adalah unsur yang paling penting dalam organisasi sekolah. Organisasi sekolah harus dipimpin oleh pemimpin yang berakhlak kerana orang-orang ini mempunyai kemampuan untuk menjalankan organisasi dengan semangat akuntabilitas untuk memenuhi harapan warganya. Islam mempunyai cara yang sempurna dalam memperkenalkan dan menghasilkan pemimpin yang cemerlang. Islam percaya bahawa amalan qudwah hasanah seorang pemimpin yang berakhlak mulia didapati mampu mencorakkan misi dan visi yang jelas serta matlamat yang terarah dalam menguruskan organisasi dengan jayanya. Falsafah kepimpinan dalam Islam bermakna seseorang itu bukan sahaja harus menjadi cemerlang dalam organisasi tetapi juga mesti mempamerkan qudwah hasanah untuk cemerlang di 'akhirat' seterusnya menjaadi role model kepada seluruh warganya. Amalan qudwah hasanah dalam kepimpinan organisasi pendidikan berupaya menjadikan kecemerlangan organisasinya sebagai asas kepada dorongan motivasi kerja yang kompeten dalam kalangan seluruh warganya.

Kata Kunci: *Islam, organisasi, kepimpinan pendidikan, qudwah hasanah, motivasi kerja*

ABSTRACT

Excellent educational leadership is the most important element in a school organization. School organization should be led by moral leaders because these people have the ability to run the organization with the spirit of accountability to meet the expectations of its citizens. Islam has the perfect way of introducing and producing excellent leaders. Islam believes that the practice of qudwah hasanah of a leader with noble morals is found to be able to formulate a clear mission and vision as well as goals aimed at managing the organization successfully. The philosophy of leadership in Islam means that one should not only excel in the organization but also must display the qudwah hasanah to excel in the 'hereafter' and then become a role model to all its citizens. The practice of qudwah hasanah in the leadership of educational organization is able to make the excellence of the organization as the basis for the motivation of competent work motivation among all its citizens.

Keywords: *Islam, Organization, educational leadership, qudwah hasanah, work motivation*

1.0 PENDAHULUAN

Kepemimpinan menjadi daya tarik dalam kalangan pendidik. Perkara ini memiliki hubungan yang cukup *significant* terhadap perkembangan kepemimpinan dan profesional keguruan di institusi pendidikan. Salah satunya adalah peranan *qudwah hasanah* dalam tradisi kepemimpinan organisasi pendidikan sekolah (Miftah, 2015). Amalan *qudwah hasanah* memainkan peranan penting dalam kepemimpinan sebuah organisasi pendidikan (Noor, 2011). Ini adalah kerana ia merupakan perintah Allah SWT serta sunnah Rasulullah SAW yang perlu dijadikan sebagai *role model* dalam setiap diri individu pemimpin (al-Ahzab:21, al-An'am:153). Pengamalan etika sangat diperlukan dalam sesebuah organisasi yang mampan. Bagi sesebuah organisasi amalan *qudwah hasanah* merupakan aspek penting yang perlu diamalkan sebagaimana penjelasan dalam surah ali-Imran (ali-Imran 3:11) .

Sifat *mahmudah* yang terdapat dalam al-Quran seperti amanah, *siddiq* (benar), *tabligh* (menyampaikan) dan *fatamah* (cerdik) merupakan sifat Rasulullah SAW sebagai pemimpin yang memenuhi fitrah manusia sejagat. *Qudwah hasanah* merupakan amalan kepemimpinan Rasulullah SAW yang terulung. Sifat adil, kasih sayang, hormat menghormati, budaya organisasi dan *musyawarah* merupakan *qudwah al-karimah* yang harus ada dalam jati diri seorang pemimpin. Sifat *qudwah hasanah* mengutamakan hubungan baik sesama ahli dalam organisasi serta membina semangat kekitaan tanpa tekanan dan paksaan. Selain itu, nilai kepemimpinan yang efisien dan berintegriti ini mampu mewujudkan persefahaman dalam organisasi (Shahril, 2010). Dalam mengimarahkan bumi Allah SWT, metode kepemimpinan Rasulullah SAW dan para sahabat perlu dijadikan panduan dalam mewujudkan organisasi yang cemerlang. Rasulullah SAW juga melaksanakan amalan syura, bersikap terbuka, membudayakan kerja berpasukan (*amal jamaie*) secara istiqamah dan bersistematik. Hal ini diaplikasikan oleh beliau demi memastikan umatnya dan kedaulatan Islam sentiasa maju ke hadapan dalam pelbagai bidang mengikut perkembangan zaman (Aziah et. al., 2007, 2006; Yulk 2006; Ismail Noor, 2000; al-Talib (2001).

Sewajarnya amalan *qudwah hasanah* dalam kalangan pemimpin organisasi mencontohi sikap dan sifat Rasulullah SAW dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam organisasi (Muslim 1992:4685: al-Hujuraat 49:12,13; al-Hashr 59:9; al-Taubah 9:108;). Amalan Rasulullah SAW dalam kepemimpinan

Islam dipercayai mampu memberi kesan kepada komitmen kerja guru yang cemerlang. Keadaan ini menunjukkan bahawa ciri pemimpin berkesan iaitu sentiasa melazimkan tingkah laku beretika serta sentiasa menerima dan mendengar pandangan orang lain (Muslim 1992:1528 dan al-Nisa 4:58). Oleh yang demikian, amalan *qudwah hasanah* dalam kepimpinan guru perlu dicaknakan bagi mewujudkan komitmen kerja guru dalam memastikan peningkatan prestasi pendidikan mencapai matlamatnya.

1.1 Konsep Qudwah Hasanah

Qudwah hasanah merupakan teladan atau ikutan yang baik atau disebut juga *role model*. Abu al-Husayn (1994) menyatakan, istilah teladan disebut dengan kalimah *uswah*. Beliau juga mengatakan bahawa *uswah* merupakan suatu keadaan seseorang untuk mengikut atau meniru orang lain, sama ada dalam hal kebaikan, atau sebaliknya.

Sebagai seorang pemimpin, akhlak *al-karimah* dan tindak tanduk yang selari dengan tutur kata merupakan asas yang menjadi landasan kepada *qudwah hasanah*. Sekiranya kedua-dua asas ini wujud dalam diri seorang pemimpin barulah pemimpin itu boleh menjadi teladan yang baik kepada pengikut di bawahnya (Dedi Supriadi, 1999). Contoh yang baik merupakan dakwah dan boleh mencapai keharmonian dalam hidup. Al-Khatib (2003: 200) menyatakan seorang pemimpin merupakan model atau 'lakaran potret'. Rasulullah SAW merupakan *qudwah* yang baik dari aspek amali, lisan dan rohani. Oleh itu, sangat dituntut oleh seorang pemimpin itu agar melaksanakan amalan yang mulia dan meninggalkan perbuatan yang tercela. Setiap perbuatan yang lahir dari keikhlasan dan ketulusan hati seorang pemimpin, pengaruhnya akan terpamer apabila mesej yang disampaikan dapat diikuti oleh orang lain.

1.2 Qudwah Hasanah Menurut Islam

Al-Quran merupakan kata-kata Allah SWT yang diwahyukan melalui perantaraan malaikat jibril kepada junjungan mulia Rasulullah SAW. Di dalam al-Quran terkandung segala ajaran dan panduan sebagai ikutan umat Rasulullah SAW bagi melengkapinya tatacara kehidupan yang dianjurkan oleh Islam. Pengulangan ungkapan kalimah *qudwah* dalam al-Quran disebut beberapa kali iaitu menerusi surah al-Ahzab,33:21, al-Mumtahanah,60:4 dan al-Mumtahanah, 60:6. Pertama ungkapan kalimah *uswah* yang disebut dalam surah al-Ahzab menjelaskan mengenai sunnah serta *qudwah* Rasulullah SAW.

Ungkapan kedua dan ketiga pula ada disebut dalam surat al-Mumtahanah ayat 4 dan 6 menunjukkan mengenai *qudwah* Nabi Ibrahim a.s. Maka jelaslah bahawa diutuskan Rasulullah SAW itu sebagai suri teladan untuk diikuti dan dicontohi. Hal ini bertepatan sebagaimana Allah SWT nyatakan dalam surah al-Ahzab,33:21. Manakala teladan yang lain diungkapkan juga dalam al-Mumtahanah: 60 ayat 4 dan 6 yang menyebut mengenai *qudwah* Nabi Ibrahim.

Allah SWT telah menyatakan bahawa Rasulullah SAW sebagai suri teladan yang harus dijadikan idola oleh umat Islam pada masa kini. Perilaku baginda digambarkan dengan *qudwah al-karimah*, iaitu ikutan yang baik. Sesungguhnya dengan turunya ayat al-Quran berkaitan akhlak telah menjadi penguat dan mengukuhkan lagi bahawa segala tindak tanduk baginda, merupakan akhlak al-Quran. Setiap segi perkataan, perbuatan, tindak tanduk baginda, sama ada yang berkaitan dengan tatacara kehidupan, sahsiah diri dalam keluarga, hal kemasyarakatan dan segala macam yang bersangkutan paut mengenai kehidupan hendaklah dijadikan contoh dan panduan oleh umat Islam. Terutama dalam soal yang berkaitan dari segi penetapan hukum syarak. Dalam hal ini, mengikutinya adalah fardu ain iaitu suatu yang dituntut

1.3. Prinsip-Prinsip *Qudwah Hasanah*

Prinsip akhlak (*qudwah hasanah*) adalah sesuatu dasar yang menunjangi pembentukan akhlak seseorang. Al-Syaibani (1991) telah mengemukakan enam prinsip asas yang menjadi dasar kepada pembentukan falsafah akhlak dalam Islam seperti berikut:

Prinsip Pertama ialah kepercayaan bahawa akhlak adalah termasuk di antara perkara terpenting dalam kehidupan selepas kepercayaan atau keimanan kita kepada rukun iman. Akhlak berkait rapat dengan hubungan antara hamba dengan Tuhannya, hubungan kepemimpinan dengan orang bawahan serta hubungan antara manusia dan kehidupannya.

Prinsip Kedua ialah kepercayaan bahawa akhlak adalah amalan kebiasaan atau perlakuan yang lahir dari dalam jiwa seseorang yang daripadanya timbul perbuatan atau perlakuan yang menjadi kelaziman dalam kehidupan.

Prinsip Ketiga ialah kepercayaan bahawa akhlak Islam merupakan syariat Islam yang kekal berpandukan al-Quran dan al-Hadis sebagaimana ijhtihad dan amalan ulama soleh dan pengikutnya.

Prinsip Keempat ialah kepercayaan bahawa agama dan akhlak bertujuan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Kebahagiaan di dunia seperti kesihatan, kekuatan, kecantikan, umur yang panjang, kemurahan rezeki, kemuliaan diri, kebahagiaan jiwa dan kebahagiaan keluarga. Kebahagiaan akhirat pula adalah mendapat keredaan dan keampunan daripada Allah SWT kepada hambanya yang bertakwa.

Prinsip Kelima ialah kepercayaan bahawa agama Islam adalah pembentukan akhlak. Faktor terpenting dalam membentuk dan mencorakkan Islam yang mempengaruhi pertumbuhan akhlak ini dapat membezakan kita dari yang lainnya.

Prinsip Keenam ialah kepercayaan bahawa teori akhlak tidak akan sempurna melainkan dihiasi dengan hati nurani akhlak, paksaan akhlak, hukum akhlak, tanggungjawab akhlak dan ganjaran akhlak.

- **Akhlak Yang Mulia Merupakan Qudwatul Hasanah**

Al-Ghazali mendefinisikan akhlak sebagai satu sifat dan perilaku yang konsisten. Nilai ini meresapi ke dalam jiwa manusia, melalui perbuatan-perbuatan yang wajar tanpa memerlukan fikiran dan pertimbangan akal (Zainudin, 1991). Menurut al-Ghazali akhlak memiliki dua syarat iaitu, perbuatan itu harus konsisten dan menjadi kebiasaan. Kedua, tingkah laku yang konsisten dari dalam jiwa tanpa pertimbangan dan pemikiran akal. Akhlak merupakan ajaran Islam. Akhlak juga dikaitkan dengan prinsip moral (Muhammad Abdurrahman, 2002). Nilai moral dan akhlak penting dalam sesebuah organisasi.

- **Akhlak Dalam Pertuturan**

Akhlak dalam pertuturan merupakan perkara utama dalam kehidupan setiap Muslim, terutama bagi seseorang pemimpin. Komunikasi yang baik dan berkesan sangat penting dan menjadi keutamaan bagi menjamin keharmonian serta kesefahaman dalam berurusan dengan masyarakat sekeliling. Pertuturan yang baik memberi kesan positif kepada diri dan individu lain (Fu'ad,2006). (HR Al-Bukhari, no. 6018; HR Muslim, no.47). Agama Islam melarang keras umatnya

berbantah-bantah dan bertikam lidah antara satu sama lain (Fu'ad, 2006): (HR Bukhari no.2457; Muslim no.2668). Islam menganjurkan berdiam diri adalah lebih baik sekiranya tidak bersetuju dan perbincangan tidak mengganggu isu sensitif berkaitan dengan kehormatan agama (Abu Ridha, 2002). Pertelagahan dan memperlihatkan kekurangan orang lain adalah dilarang. Adab dan akhlak perlu dijaga apabila berdepan dengan orang lain. Nilai kesopanan hendaklah dijaga dengan mempamerkan budi pekerti dan tingkah laku yang baik dalam masyarakat dan organisasi (Ahmad Tafsir, 1994).

Sebagai seorang pemimpin melontarkan perkataan yang kesat, memaki hamun dan mengeluarkan ucapan yang buruk adalah sifat tercela (Imam Nawawi, 2002; Imam al-Bukhari, 2003) dan Imam al Ghazali, (2006). Perkataan yang kotor mempamerkan keburukan dan akhlak yang rendah nilainya (HR Tirmidzi no.2002). Selain itu, penghinaan dan ejekan adalah dilarang dalam Islam. Islam melarang perbuatan buruk dilakukan di antara satu sama lain. (Imam Nawawi, 2002; Imam al-Bukhari, 2003 dan Imam al Ghazali, 2006). Manakala penghinaan membawa maksud merendah dan meremehkan orang lain. Penghinaan juga boleh membawa perbalahan dan persengketaan dalam masyarakat dan organisasi (Abdul Mukmin, 2006; Ahmad Ali, 2002 dan Yunahar,1999).

Sebagai seorang pemimpin sifat amanah adalah sangat dituntut (Sholeh Fauzan, 2007). Mengadu domba merupakan sikap masyarakat jahiliah dan ianya adalah salah satu daripada kemungkaran lidah yang wajib dihindari. Perkara ini sering berlaku dalam kehidupan bermasyarakat dan akan mengundang kesan buruk dalam organisasi jika tidak dibendung (Amril, 2002). Nabi Muhammad SAW bersabda: "Tidak dapat masuk syurga orang yang suka mengadu domba" (HR. Muslim no. 105).

Daripada beberapa garis panduan yang dinyatakan di atas dapat disimpulkan bahawa menjaga pertuturan sangat penting terutama dalam organisasi. Penggunaan kata-kata yang baik di antara ketua dan orang bawahan sangat dititikberatkan. Dalam konteks pendidikan di sekolah, pihak pengurusan sekolah sewajarnya mengamalkan *qudwah hasanah* dalam memimpin organisasi

- **Akhlik Dalam Perilaku**

Tingkah laku dan perbuatan merupakan cerminan akhlak (Amril, 2002). Islam sangat mementingkan kemurnian akhlak. Garis panduan Islam dalam berorganisasi antaranya ialah mengamalkan akhlak yang terpuji dan

mempunyai perilaku yang baik. Akhlak yang baik dapat memberi manfaat kepada orang lain (Akhmal, 2009). Amarah merupakan sifat yang perlu di jauhi kerana ia melambangkan kerendahan iman pelakunya. Situasi ini juga merupakan petunjuk bahawa lemahnya iman seseorang itu (Syed Mahazir, 2009). Hadis ini menjelaskan bahawa orang yang mempunyai perilaku yang baik ialah mereka yang dapat mengawal diri ketika marah dan mengatasinya dengan sabar (Mohamad et.al 2008). Manusia yang sering menahan marah akan mempunyai kekuatan dalam jiwanya. Kekuatan ini akan menimbulkan sifat sabar serta dapat mengekalkan kekuatan akal dan imannya apabila berjaya mengawal kemarahan (Yusuf Qardhawi, 2000). Kasih sayang Allah SWT telah dinyatakan dalam firmanNya terhadap mereka yang sabar ketika marah dan sentiasa berlapang dada apabila menghadapi kesukaran (ali-Imran 3: 134). Sifat amarah adalah nilai negatif yang wajar di jauhi (Haron Din, 2000).

Nilai kesopanan, sikap yang baik dan terpuji dalam menjalin perhubungan adalah penting dalam organisasi (Mohamad et.al 2008). Rasulullah SAW sering bersikap lemah lembut dan menggalakkan umat melakukannya, (HR Abu Daud, no.3522). Budi pekerti yang baik mencerminkan jiwa yang sejahtera (Mohd Shukri, 2007). Sifat riak pula perlu di jauhi kerana sifat ini boleh membawa perselisihan dalam perhubungan (Mohamad et.al, 2008). Selain itu, nilai jujur, amanah, yakin diri merupakan sifat mulia dan akhlak yang terpuji (Mohd Khairul, 2009). Sebaliknya, individu tidak sewajarnya merendah diri orang lain dan menjauhi perbalahan yang berpanjangan (Mohamed Abu, 1988).

1.4 Elemen Qudwatul Hasanah Dalam Kepimpinan Pendidikan

Kepimpinan yang baik dan cekap pasti tidak akan wujud tanpa asas aqidah yang mantap dan pegangan kepada nilai akhlak yang mulia. Iman yang teguh kepada Tuhan merupakan pencetus kepada kelahiran akhlak yang mulia (Muhammad Uthman El Muhammadiyah, 1988). Dalam kepimpinan pendidikan amalan *qudwah hasanah* merupakan teladan sebagaimana sunnah Rasulullah SAW. Amalan *qudwah hasanah* dalam kepimpinan sangat banyak dibincangkan. Dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada 5 elemen amalan *qudwah hasanah* pemimpin. Elemen-elemen tersebut seperti berikut:

- **Adil**

Menurut al-Khazin (1978) adil bermaksud keseimbangan dalam segala hal. Adil juga membawa maksud memberi hak kepada orang yang berhak menerimanya. Imam al-Alausi (1994) mendefinisikan adil dengan menyampaikan hak-hak yang berkaitan dengan tanggungjawab orang lain kepada yang berhak memilikinya. Selain itu, menurut al-Ghazali (1997) adil merupakan aspek penting dalam menyeimbangkan antara dua pihak yang bersengketa.

- **Ciri-Ciri Adil**

Islam mengajar umatnya bahawa semua Muslim berhak untuk mendapatkan hak yang sama rata dalam penetapan hukum. Tidak wujud diskriminasi antara Muslim dengan Muslim yang lain walaupun terdapat perbezaan warna kulit, status sosial, ekonomi, atau pun politik.

Secara spesifik Al-Qur'an ada menyebut dan turut menegaskan peri laku adil iaitu;

1. Keadilan dalam menetapkan hukum (al-Nisa 4:58)
2. Keadilan terhadap individu lain (al-Nahl 16:90)
3. Keadilan dalam pertuturan (al-an'am 6:152)
4. Keadilan dalam kesaksian (al-Nisa'4:135)
5. Keadilan dalam catatan hutang (al-Baqarah 1:282)
6. Keadilan dalam mendamaikan persengketaan (al-Hujurat 49:9)
7. Keadilan terhadap orang yang tidak disukai (al-Maidah 5:8)
8. Keadilan dalam mengenakan balasan (al-Maidah 5:95)

- **Kasih Sayang**

Menurut Abdullah Nashih Ulwan (1996), kasih sayang diertikan sebagai rasa kepekaan kasih dan sayang serta kelembutan hati terhadap orang lain. Menurut M. Quraish Shihab, (2000) kasih sayang disebut juga dengan kata al-Rahmah (kasih sayang). Di mana sifat Allah yang paling banyak diungkapkan dalam al-Qur'an dengan penyampaian kata yang berbeza-beza yang menunjukkan sifat ketuhanan iaitu Al-Rahman dan Al-Rahim yang bermaksud pengasih dan penyayang. Kalimah al-Rahman dan al-Rahim disebut sebanyak 114 kali di mana ia merupakan sifat Allah yang paling banyak dinyatakan dalam Al-Quran. Menurut Jalaluddin (2002), pengulangan kalimah tersebut bermaksud bahawa Allah menyeru kepada makhluk ciptaannya terutamanya manusia agar menjadikan sifat-sifat-Nya sendiri sebagai potensi diri untuk dibangunkan

dan dikembangkan. Kemudian sifat Maha Pengasih dan Maha Penyayang ini merupakan landasan kepada manusia untuk mendapatkan kasih dan sayang Allah. Sama ada al-Rahman mahu pun al-Rahim pada dasarnya ia memiliki pengertian yang satu, akan tetapi sifat al-Rahman lebih terarah pada sifat kasih sayang Allah di akhirat, sedangkan al-Rahim lebih cenderung kepada sifat kasih sayang Allah di dunia. Selain kalimah al-Rahman dan al-Rahim terdapat bentuk kata lain dalam al-Quran yang mempunyai erti yang sama dengan kasih sayang iaitu mahabbah, mawaddah dan rahmah. Mahabbah berasal dari kata hubb yang ertinya cinta atau mencintai, baik dalam konteks ketuhanan (cinta Allah kepada makhluk-Nya dan cinta makhluk kepada Allah), mahupun konteks kemanusiaan.

- **Prinsip Sifat Kasih Sayang**

Kasih sayang merupakan fitrah dan anugerah bagi semua makhluk ciptaan-Nya di muka bumi ini. Manusia merupakan satu-satunya makhluk ciptaan Allah yang diciptakan dengan sebaik-baik kejadian (Jalaludin 2002). Secara fitrahnya manusia dikurniakan perasaan kasih dan sayang dalam hidupnya. Menurut Siti Nurlina et.al (2010) perasaan kasih sayang adalah bersifat menyeluruh. Dalam memimpin organisasi sifat kasih dan sayang wajar di ketengahkan kepada ahli. Setiap ahli masyarakat saling mengambil berat serta sayang-menyayangi antara satu sama lain mengikut batasan syarak dalam pergaulan. Contoh kepimpinan yang baik adalah seperti nilai-nilai berikut:

- i. Tauhidullah*

Tauhidullah membawa maksud konsep keesaan kepada Allah SWT. Keesaan penciptaan makhluk, kesatuan ilmu dan kebenarannya, kesatuan kehidupan serta kesatuan kemanusiaan. Syeikh Muhammad Abdullah al-Katib menjelaskan bahawa iman yang melahirkan amalan soleh dan iman jugalah yang menjadi dasar kepada perubahan pada diri seseorang Muslim. Imam Hassan al-Banna menjelaskan bahawa dengan mengenal Allah dapat menguatkan rohani yang memimpin dan mengubah sifat manusia dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain (al-Anfal, 8:24).

- ii. Silaturrahim dan Ukhuwwah Islamiyyah*

Hubungan antara ahli dalam organisasi perlu dieratkan sebagai langkah penyatuan dan kerjasama dalam berorganisasi. Silaturrahim terdiri daripada dua perkataan iaitu *silah* yang bermaksud menghimpun dan

menyambung. Kalimah *rahim* pula membawa maksud kasih sayang yang kemudian berkembang sehingga membawa erti peranakan (kandungan) (M.Quraish Shihab 2000). Menurut Azyumardi Azra (2004), secara harfiah *silaturahmi* bererti menyalurkan kasih sayang yang sarat dengan nilai-nilai persaudaraan. *Ukhuwah* pada mulanya bererti “keseerasian dan persamaan dalam banyak hal”. Menurut M.Quraish Shihab (2002) *ukhuwah* berasal dari kata dasar “*akh*” yang bererti saudara, sahabat atau teman akrab. Kata jamak dari kalimah “*akh*” di dalam al- Quran terdapat dua keadaan. Pertama, *ikhwan* yang biasanya digunakan untuk persaudaraan dalam erti tidak sekandung. Kedua, *ikhwah* yang digunakan untuk makna persaudaraan iaitu satu kerabat atau keturunan. Menurut M.Quraish Shihab (2002), *ukhuwah Islamiyah* merujuk kepada erti yang lebih luas lagi iaitu bukan sekadar kawan malah ia merupakan persaudaraan sesama Muslim. *Ukhuwwah Islamiyah* juga dikaitkan dengan kesatuan hati, fikiran, perasaan dan jiwa setiap individu yang beriman dengan aqidah yang satu iaitu mentauhidkan Allah. Menjalinkan hubungan persaudaraan sesama Muslim adalah satu cara hidup yang patut dipupuk dalam kalangan masyarakat Islam. Persaudaraan dalam Islam merupakan satu amanah serta tanggungjawab masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian dalam mencari reda Allah.

iii. Musawah-Konsep Persamaan Taraf

Musawah merupakan konsep persamaan antara manusia. Islam tidak membezakan manusia. Di sisi Allah SWT manusia adalah sama. Namun begitu perbezaan dalam aspek kekayaan, kemampuan dan kelebihan diiktiraf oleh ajaran Islam. Konsep persamaan melahirkan rasa ketenangan dalam hidup bermasyarakat tanpa sebarang persengketaan dan perbalahan.

- **Hormat-Menghormati**

Nilai hormat menghormati merupakan amalan mulia dalam kehidupan. Hormat membawa maksud melayani dengan sopan, menghargai orang lain dengan penuh berhemah. Nilai hormat-menghormati sangat penting dalam organisasi bagi membentuk para ahli yang cemerlang dalam kerjaya dan sahsiah diri. Al-Quran banyak menyentuh tentang nilai hormat menghormati. Nabi SAW juga turut memberi contoh yang baik dan akhlak yang terpuji.

- **Prinsip Hormat Menghormati**

Prinsip hormat menghormati sangat ditekankan dalam ajaran Islam. Prinsip ini dapat dilihat dalam amalan seharian seperti berikut:

- **Bersangka Baik**

Sikap bersangka baik membawa kesejahteraan dan perasaan *muhibbah* dalam kehidupan. Bersangka baik adalah lahir dari jiwa yang suci dan bertentangan dengan sikap bersangka buruk iaitu menaruh rasa yang negatif terhadap seseorang.

- **Sentiasa Menasihati Antara Satu Sama Lain**

Dalam kehidupan berorganisasi, anggota masyarakat hendaklah saling nasihat menasihati antara satu sama lain. Amalan ini merupakan amalan mulia yang memberi ruang kepada masyarakat untuk saling ingat mengingatkan antara satu sama lain. Hal ini juga merupakan hak seorang Muslim dengan Muslim yang lain.

- **Menjaga hati orang lain**

Menjadi peranan individu Muslim untuk menjaga hati orang lain. Hati yang baik akan tenang tanpa rasa was-was dan syak wasangka. Galakan memaafkan kesalahan orang lain dapat membersihkan hati sebagaimana dinyatakan firman Allah SWT: (an-Nisa' 4: 149) (an-Nur 24: 22) (Fussilat 41: 34 - 35) dan (al-Rahman 55: 60). Dalam menjaga hati manusia, wajarlah kita mendengar sudut pandangan mereka yang mungkin berbeza dari kita dan sekiranya perlu menolak, laksanakannya dengan sebaik-baiknya. Ini termasuk menjaga intonasi suara, mimik muka, pemilihan perkataan dan bahasa tubuh.

- **Menjaga hak orang lain**

Menjaga hak orang lain adalah nilai terpuji, iaitu adanya jaminan antara hak individu dengan individu yang lain. Menjadi kemestian masyarakat untuk menjaga dan menghormati hak orang lain untuk kehidupan yang lebih aman dan harmoni.

- **Budaya Organisasi**

Budaya organisasi bermaksud sekelompok manusia yang berhimpun bekerja bersama untuk mencapai tujuan yang sama. Setiap anggota dalam organisasi mempunyai peranan dalam menggerakkan aktiviti. Menurut Zainal Ariffin

(1998) budaya organisasi ialah usaha-usaha atau kerja-kerja yang memberi kesan serta faedah yang diputuskan secara bersama dalam organisasi Islam mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Secara ringkasnya budaya organisasi boleh ditakrifkan sebagai kerja berpasukan yang dilakukan bersama-sama secara tersusun atau terancang demi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Kerja berpasukan ini memerlukan kesepaduan pemikiran serta kesepaduan dalam pelaksanaan gerak kerja agar impian yang hendak dicapai dapat direalisasikan. Oleh itu, pengurusan dalam menjalankan gerak kerja ini mestilah strategik dan bersesuaian dengan keadaan yang berlaku dengan menyerahkan sepenuh kepercayaan kepada Allah SWT.

- **Prinsip Budaya Organisasi**

- i. Menjalankan aktiviti secara bersama dengan berlandaskan batasan syarak.
- ii. Mempunyai sistem organisasi yang tersusun dan menjalankan aktiviti secara bersama.
- iii. Melaksanakan aktiviti dalam organisasi mengikut misi dan visi yang telah ditetapkan.
- iv. Membuat keputusan dalam organisasi secara kolektif.

- **Musyawah**

Musyawah bermaksud perundingan. Konsep *musyawah* juga diistilahkan sebagai aktiviti tawar-menawar secara kolektif antara dua orang atau lebih untuk mendapatkan keputusan yang terbaik. Al-Buraey (1994) menyatakan bahawa kepimpinan secara syura yang ditunjukkan oleh Islam membantu individu memperoleh kesejahteraan hidup. Pemimpin yang baik akan mengurus organisasi dan kepimpinan secara terancang. Organisasi yang cemerlang adalah organisasi yang bersatu hati dalam memberi khidmat sosial terhadap masyarakat demi kesejahteraan manusia sejagat. Pengamalan konsep syura dalam organisasi dapat membentuk pemimpin dan orang bawahan yang saling bekerjasama, bersatu hati dan membuat keputusan secara bersama serta dapat meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi (Azhar 2006).

- **Prinsip Musyawarah Menurut Umar Al-Khattab R.A**

Prinsip musyawarah seperti yang dianjurkan lebih menjurus kepada pengembangan dakwah sebagaimana yang dianjurkan al-Quran dan al-Hadis. Prinsip *musyawah* dalam organisasi wajar diketengahkan dalam

usaha menghasilkan keputusan terbaik dalam melahirkan para guru yang cemerlang. Kecemerlangan para guru menjadi teladan kepada dalam usaha melahirkan pelajar yang berakhlak mulia. Untuk tujuan tersebut para guru dan pentadbir sekolah perlulah menunjukkan *qudwah hasanah* supaya dapat diteladani oleh para pelajar. Jelas menunjukkan bahawa pentadbir sekolah yang bijak dalam mengurus dan mentadbir organisasi dapat mempengaruhi komitmen guru melalui pengamalan dan pendekatan yang pelbagai. Pemimpin sewajarnya sentiasa menerima pandangan dan pendapat ahli dalam organisasi (Normala, 2008).

Prinsip Syura Umar al-Khattab r.a:

- i. Pengurusan serta pentadbiran berteraskan perbincangan dalam membuat keputusan (*Mushawarah*).
- ii. Membuat keputusan melalui persetujuan bersama hasil dalam organisasi (*Mudhakarrah*).
- v. Bersefahaman serta sehaluan menangani sesuatu isu atau permasalahan yang timbul (*Wihdat al-Fikr*)
- vi. Menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sandaran dan sumber rujukan yang utama.
- vii. Hikmah serta bijaksana dan bersifat lemah lembut. (*Mawizah*).
- viii. Mengutamakan kepentingan dalam setiap keputusan dan tindakan yang diambil (*Maslahah Ammah*)
- ix. Menghargai serta menghormati pandangan, pendapat serta teguran yang dikemukakan oleh orang lain serta bersifat lapang dada.

3.0 METODOLOGI AKHLAK AL-GHAZALI

Al-Ghazali (1974) menyatakan bahawa perbuatan baik adalah moral merupakan tingkah laku yang baik. Perbuatan baik disebut *mustahab*, iaitu sesuatu yang disukai. Akhlak yang baik bermula dari hati yang baik. Dalam melaksanakan kebaikan hendaklah menjauhi perkara yang keji, haram dan makruh. Seterusnya menurut al-Ghazali (1974), akhlak hendaklah bersandar pada syariat dan akal. Amalan yang baik adalah merangkumi tingkah laku yang baik, kata-kata yang baik dan bertentangan dengan nilai-nilai yang rosak akhlak. Terdapat empat unsur yang perlu ada pada manusia untuk mencapai akhlak yang terpuji lagi sempurna. Antaranya ialah kekuatan dalam ilmu, amarah, syahwat dan keseimbangan seperti berikut:

1. Ilmu berperan dalam membezakan suatu yang baik dan buruk. Ilmu yang baik dilahirkan dari *al-Hikmah*, iaitu kebijaksanaan yang memberi maaf yang besar terhadap manusia.
2. Sikap amarah dapat dikawal dengan kebijaksanaan.
3. Kekuasaan hawa nafsu adalah nilai yang baik apabila dalam petunjuk dan isyarat kebijaksanaan, iaitu menurut petunjuk akal dan agama.
4. Kekuasaan dalam menjalankan keadilan merupakan suatu tindakan yang baik sekiranya berlandaskan kebijaksanaan. Selain itu, al-Ghazali berpendapat bahawa kebijaksanaan, *syaja'ah*, *iffah*, dan adil dapat melahirkan insan yang berakhlak mulia.

3.1 Metode Pembinaan Akhlak

Pembinaan akhlak merupakan suatu keperluan. Akhlak bermula dari dalam diri individu. Akhlak yang baik mencerminkan jiwa yang suci (al-Ghazali 1974). Cara memperbaiki akhlak terbahagi kepada metode di bawah:

1. Metode taat syariat, iaitu membiasakan diri dalam kehidupan seharian dan berusaha melakukan kebaikan dan hal-hal yang bermanfaat sesuai dengan ketentuan syariat dan aturan-aturan masyarakat.
2. Metode pembangunan diri. Metode ini berasaskan kepada kesedaran diri terhadap keunggulan dan kelemahan peribadi yang kemudiannya melahirkan keinginan untuk meningkatkan kualiti akhlak dan mengurangkan sifat-sifat negatif.
3. Metode kesufian. Metode ini bercorak ketuhanan. Peranan agama bertujuan menyempurnakan kualiti peribadi yang dekat dengan imej manusia yang ideal, latihan disiplin diri melalui *mujahadah* dan *riyadah*. *Mujahadah* adalah usaha yang serius untuk menghapuskan semua halangan peribadi seperti kekayaan, wanita dan tindakan tidak bermoral. *Riyadah* pula adalah amalan mendekati diri kepada Tuhan dengan meningkatkan kualiti ibadah secara intensif. Al-Ghazali, (1974) menganggap kehidupan kesufian sebagai cara yang benar-benar jelas dengan cahaya kenabian dan mengikut kehendak Allah SWT. Metode kesufian merupakan metode yang paling tinggi dalam tingkat kerohanian sehingga dapat menzahirkan akhlak yang terpuji. Justeru, dalam pengurusan organisasi di

sekolah pihak pentadbir mestilah sentiasa memberikan contoh yang baik kepada para guru dengan mempamerkan ciri-ciri kepimpinan sebagaimana yang disarankan oleh ajaran Islam.

4.0 KESIMPULAN

Pembangunan organisasi dan kepimpinan merupakan tuntutan dalam Islam. Islam sebagai agama yang mementingkan aspek kepimpinan melalui pengurusan organisasi yang cemerlang. Pengurusan organisasi yang baik dapat melahirkan pemimpin yang berjaya serta menunjukkan *qudwah hasanah* serta mendapat kerediaan Allah S.W.T. Barisan kepimpinan pendidik sewajarnya diberi kepercayaan untuk mengurus organisasi seperti sekolah mengikut acuan Islam dengan mempamerkan akhlak yang mulia. Amalan *qudwah hasanah* perlu dipamerkan oleh barisan pentadbir dan pendidik supaya menjadi contoh kepada para pelajar. Kepemimpinan dalam pendidikan akan menjadi pendorong terhadap motivasi kerja para guru agar lebih kompeten dalam membentuk organisasi cemerlang dalam aspek duniawi dan ukhrawi.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. (2003). *Mengurus Pasukan Kerja Prestasi Tinggi*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul Mukmin Sa'aduddin. (2006). *Meneladani akhlak Nabi: membangun keperibadian Muslim*. Bandung: Rosdakarya.
- Abdullah Nashih Ulwan. (1996). *Pendidikan Anak Dalam Islam; Pendidikan Sosial Anak*, Bandung: Remaja Rosda Karya, Cet. 3, hlm. 11.
- Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj. (1978). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath 'Arabi.
- Abu Ridha. (2002). *Pengantar Pendidikan Politik dalam Islam*, (Bandung: PT. Syamil Cipta Media. hlm. 41.
- Ahmad Ali Ibn Hajar Al-Asqalani. (2002). *Lisan al-mizan*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyah
- Ahmad Tafsir. (1994). *Ilmu Pendidikan dalam Perspektif Islam*, Bandung: Remaja Rosdakarya.

- Akhmal Mohd Zain. (2009). *Asas pengetahuan Agama Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah
- Al Ghazal. (2003). *Ringkasan Ihya' Ulumiddin*, Surabaya: Gita Media Press.
- Al-Ghazali. (2006). *terjemahan al-Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasqi. Ihya' lumuddin: Pengajaran bagi orang-orang mukmin*. Bandung: Darul Fajr
- Al-Ghazali, A.H.M. (1987). *Al-Tibr Al-Masbouk Fi Nasihat Al-Molouk*. Beirut: Dar Ibn Zaidoun.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad Imam. (2003). *Ihya' Ulum ad-Dīn, Jilid 2 dan 4*. Kaherah: Maktabah as Safa.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1983). *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. t.t. *Ihya 'Ulum al-Din*. Kaherah: Maktabah Fayyad, Dar alManar.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1980). *Ihya'Ulum al-Din bihāmishihi takhrij al-Hāfiz al-'Irāqi*. Jilid 3. Juzuk 7-9. Dār al-Fikr.
- Al-Ghazali, I. (1993). *Ihya'Ulumuddin Juz III*. Beirut: Dar ihya al-Kutub al-Ilmiyah, t. th), hlm, 48, 12.
- Al-Ghazali. (2005) *Ihya' Ulum ad-Din. Al-Munziq min al-Dhalal*, Beirut: Maktabah al-Sya'ibah
- Al-Khatib al-Baghdadiy, Abu Bakr Ahmad Aliy bin Thabit. (2003). *Al-Kifayah fi Ma'rifah Usul 'Ilm al-Riwayah Tah: Ibrahim bin Mustafa Aliy Bahhaj al-Dimyatiy*, Jilid 1 & 2, c. 1, Dar al-Huda.
- Al-Syaibani, Omar Muhamad al-Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Prof. Dr. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hisbi
- Al-Talib, H. (2001). *Traning Guide for Islamic Worker*. Second Edition. USA: International Graphics.
- Amril M. (2002). *Etika Islam, Telaah Pemikiran Filsafat Moral Raqhib Al-Isfahani*, Yogyakarta: LSFK2P Lembaga studi Filsafat, Kemasyarakatan, Kependidikan dan Perempuan) berkerjasama dengan Pustaka Belajar
- Aziah Ismail, Yahya Don, & Shasitharan Raman Kutty. (2007). *Teori Dan Asas Pentadbiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia (OUM).

- Dedi Supriadi. (1999). Mengangkat Citra dan Martabat Guru, (Yogyakarta: Adicita Karya Nusa, Cet. ke-2, hlm. 29
- Fu'ad Asy Syalhub. (2006). Guruku Muhammad. Terj. Nashirul Haq. Lc. Jakarta: Gema Insani
- Haron Din. (2000). Manusia dan Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam al-Bukhari terjemahan Abdul Ali Hamid (2003). Moral teachings of Islam: prophetic traditions from al-Adab al-mufrad. Walnut Creek, Calif.: Altamira Press
- Ismail Noor. (2007). Kepimpinan Nabi Muhammad SAW. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Jalaluddin. (2002). Teologi Pendidikan, (Jakarta: Raja Grafindo Persada. Cet. 2, hlm. 214.
- Miftah Toha. (2005). Perilaku Organisasi, Konsep Dasar dan Aplikasinya. Jakarta:
- Mohamad Khadafi Rofie. (2009). Tamadun Islam: prinsip & sumbangan terhadap peradaban dunia. Selangor, MY: Pure Honey Enterprise
- Mohamad. Najib. (2008). G.; & Tinah, N. (2008). Stress, burnout dan kepimpinan. Editor Azizi, Yahya. Isu-isu Kepengetuaan dan Pengurusan Sekolah. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Abu. (1988). Panduan hidup seorang Islam. Kuantan: Yayasan Pahang
- Mohd Khairul Hidayat Ibrahim. (2009). Atasi gejala social remaja, rujuk metode Rasulullah s.a.w. Milenia Muslim. Bil 7, hlm 6.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2007). Penyelidikan pendidikan. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shukri b Ahmad. (2007). Penghayatan Akhlak Sosial Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Daerah Kota Star. Tesis Sarjana. UKM
- Muhammad Abdurrahman. (2002). Pendidikan di Alaf Baru; Rekontruksi Atas Moralitas Pendidikan, Edisi 7. Yogyakarta: Prismsophie, hlm. 75
- Noor, Ismail. (2011). Manejemen Kepimpinan Muhammad SAW; mencontoh teladan kepimpinan Rasul untuk kesempurnaan manajemen moden Bandung: Mizan.
- Normala Shamsuddin, Hassan Hushin dan Zainuddin Abu Bakar. (2008). Gaya Kepimpinan Guru Besar Wanita dan Hubungannya Dengan Komitmen Guru Di Sekolah. Jurnal Pendidikan Universiti Malaysia. Jilid13, Oktober 2008 hal 85-91.

- Shahril @ Charil Marzuki, Rahimah Ahmad & Hussein Ahmad. (2010). *Kepimpinan Pengetua, Menjana Modal Insan Di Sekolah Berkesan*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Sholeh Fauzan. (2007). *Adab seorang Muslim dengan masyarakat*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise
- Syed Mahazir Shariff Ahmad. (2009). *Merawat 7 penyakit hati*. Johor Bahru: Pustaka Azhar
- Yukl, G.A. (2006). *Leadership in Organizations*. Prentice-Hall, Inc, Erylewood Cliffs, New Jersey
- Yunahar Ilyas. (1999). *Kuliah Akhlaq*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset
- Yusuf Qardhawi. (2000). *Al-Quran menyuruh kita sabar*. Kuala Lumpur: Penerbitan Darul Iman
- Zainal Ariffin Ahmad. (1998). *Perlakuan Organisasi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd
- Zainuddin. (1991). *Seluk-Beluk Pendidikan dari Al- Hazali*. Jakarta: Bumi Aksara, 1991, Cet. 1, hlm. 102.
- Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an. (1996), Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Islam, Edisi Jawi
- Imam al-Bukhari terjemahan Abdul Ali Hamid. (2003). *Moral teachings of Islam: prophetic traditions from al-Adab al-mufrad*. Walnut Creek, Calif: Altamira Press
- Imam al-Ghazali terjemahan Abdul Hamid Salil Hmadan. (2006). *Nasihat dan bimbingan hadith qudsi*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah
- Imam al-gahzali terjemahan Asy'ari Khatib. (2007). *Rindu tanpa akhir: metode mendidik jiwa agar cinta, rida dan damai bersama Allah*. Jakarta: Serambi
- Imam Nawawi diedit oleh Abdul-Aziz al-Sirawan. (2002). *Al-tibyan fi adab hamalat al-Qur'an al-Tab'ah 1*. Cairo: Dar al-Salam
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Uthman El. Muhammady. (1988). *Islamic solutions to the spiritual and moral crisis of present day society*. *Journal Pendidikan Islam*. Th. 2 5: 73-86
- Al-Buraey, M. (1985). *Administrative Development: An Islamic Perspective*. London: Kagen Paul International Limited.